

Banjir di Johor semakin pulih, namun cuaca diramal tidak menentu sehingga Jumaat

Mangsa jangan cepat balik rumah

KLUANG – Pihak berkuasa semalam mengingatkan orang ramai yang masih berlandung di 18 pusat pemindahan di Johor agar jangan balik ke rumah masing-masing semata-mata kerana keadaan banjir di kawasan mereka semakin pulih.



Banjir

Ini kerana ada petanda keadaan banjir di Johor khususnya di daerah Kluang yang paling kritikal tidak akan pulih dalam masa terdekat.

Pegawai Daerah Kluang, Abdul Karim Abu Bakar berkata, dalam senario banjir, tempat yang paling selamat ialah di pusat-pusat pemindahan sementara yang disediakan untuk mereka.

“Nasihat kita (kepada) mangsa banjir supaya jangan balik ke rumah dulu kerana cuaca sehingga Jumaat ini diramalkan tidak menentu. Bekalan makanan di pusat pemindahan mencukupi untuk mereka,” katanya kepada pemberita ketika mengiringi Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Se-



SULTAN IBRAHIM bersalaman dengan orang ramai ketika melawat pusat pemindahan mangsa banjir di SK Seri Kampung Tengah, Kluang semalam.

kolah Kebangsaan (SK) Seri Kampung Tengah di sini semalam.

Pusat pemindahan mangsa banjir yang terbesar di Johor itu pada masa ini menempatkan lebih 800 orang.

Kluang menjadi daerah yang paling teruk terjejas dengan bencana banjir di Johor.

Sultan Johor yang tiba di pusat pemindahan terbabit kira-kira pukul 2 petang menghabiskan 30

minit beramah mesra dengan mangsa dan bertanyakan soal-kebakikan mereka ketika ditempatkan di situ.

Sebelum itu, baginda turut melawat Sekolah Kebangsaan Sri Kencana, Machap yang turut dijadikan pusat pemindahan mangsa banjir.

Abdul Karim turut menasihatkan mangsa banjir supaya sentiasa mengawasi anak-anak kecil dan tidak membiarkan mereka bermain di kawasan banjir bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Dalam pada itu, jumlah mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan di Johor menurun kepada 1,826 orang setakat 6 petang semalam berbanding 2,991 pada sebelah pagi.

Menurut laporan portal banjir Majlis Keselamatan Negara, sebanyak 18 pusat pemindahan masih beroperasi iaitu lapan di Kluang, lima di Batu Pahat, empat di Segamat dan satu di Pontian.

Sungai yang masih berada pada paras status amaran ialah Sungai Muar di Kampung Awat dan Buloh Kasap di Segamat serta Sungai Senggarang di Senggarang, Batu Pahat.

INFO Banjir di Johor

- Jumlah mangsa yang masih di pusat pemindahan 1,826 orang (setakat 6 petang).
- Sebanyak 18 pusat pemindahan masih beroperasi iaitu lapan di Kluang, Batu Pahat (lima), Segamat (empat) dan Pontian (satu).
- Paras Sungai Simpang Kiri di Sri Medan, Batu Pahat dan di Empangan Macap di Kluang yang berada pada status amaran kembali kepada normal.
- Sungai lain yang parasnya masih berada pada status amaran ialah Sungai Muar di Kampung Awat dan Buloh Kasap di Segamat serta Sungai Senggarang di Senggarang, Batu Pahat.
- Nombor hotline untuk dihubungi ialah 07-2908011 dan 07-2908012.

SUMBER: Majlis Keselamatan Negara